



HASIL tuaian kupang di kawasan penternakan di Sungai Sekawang, Port Dickson.

HM 12/8/24 pg 19

Selamat untuk dimakan



PENGUSAHA kupang, Mohd Taib Jantan menunjukkan hasil tuaian kupang yang selamat untuk makan dan dijual kepada orang ramai di kawasan penternakan di Sungai Sekawang, Port Dickson.



MOHD Radhi Bahari (kiri) bersama rakannya Nurzul Hakim Ab Rahaman membawa hasil tuaian kupang di kawasan penternakan di Sungai Sekawang.



PENGUSAHA kupang, Mohd Radhi Bahari mula menuai hasil kupang miliknya di kawasan penternakan di Sungai Sekawang, Port Dickson semalam. Jabatan Perikanan Malaysia menarik balik larangan penuaan dan penjualan kerang-kerangan termasuk kupang di perairan Port Dickson dan Melaka berikutan penurunan tahap biotoksin ke paras selamat. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, hasil pemantauan dan analisis makmal, bacaan biotoksin menunjukkan penurunan di bawah 400 per bilion (ppb) bagi sampel ke-15.